

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 36

### DAKN 2030 bentang hala tuju agrikomoditi



Zuraida menerima buku Dasar Agrikomoditi Negara daripada Ketua setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Ravi Muthayah pada perasmian DAKN 2030 di Putrajaya, semalam. Yang turut hadir Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Willie Anak Mongin (kiri).

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

# DAKN 2030 bentang hala tuju agrikomoditi

## Strategi pastikan industri terus dipacu, beri sumbangan berterusan kepada negara

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN 2030) bagi menggariskan hala tuju pembangunan industri agrikomoditi negara yang merangkumi lapan komoditi utama.

Dasar yang diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Januari lalu itu adalah kesinambungan kepada Dasar Komoditi Negara (DKN) 2011-2020.

Pengubalan dan hala tuju dasar itu adalah berteraskan kepa-

da Agenda Nasional seperti Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN3).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata DAKN 2030 digubal bagi memastikan sektor itu terus dipacu dan memberi sumbangan secara berterusan kepada negara melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pendapatan eksport.

Beliau berkata, pada masa sama, DAKN 2030 dijangka dapat membangunkan rakyat dengan pengurangan jurang pendapatan dan kadar kemiskinan, terutamanya bagi masyarakat luar bandar.

“Secara keseluruhan, DAKN 2030 merangkumi lima teras utama iaitu kemampunan, produktiviti, penjanaan nilai, pembangunan pasaran dan keterangkuman dengan 14 indikator dan sasaran keseluruhan.

“Lapan komoditi dan empat keutamaan rentas sektor pula mengandungi 130 strategi dan 112 indikator dan sasaran,” katanya merasmikan DAKN 2030 di Putrajaya, semalam.

DAKN 2030 turut menyenaraikan 11 program utama dan memberi tumpuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan agrikomoditi dan mempertingkatkan penerimagaan ekonomi kitaran.

Bagi memastikan sektor itu terus kukuh dan mampan, Rangka DAKN 2030 digubal dengan tiga komponen utama berdasarkan Hala Tuju Strategik keseluruhan sektor agrikomoditi, Aspirasi DAKN 2030 dan Keutamaan Rentas Sektor.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) juga akan menganjurkan Sidang Kemuncak dan Ekspo Agrikomoditi Antarabangsa Malaysia (MIA-CES) pada pertengahan tahun ini dengan menghimpunkan semua sektor agrikomoditi di bawah satu ekspo bertaraf antarabangsa.